



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

12 /2026

SIARAN MEDIA

PROGRAM JUALAN MADANI KOPERASI DAN USAHAWAN: KUSKOP BANTU RINGKANKAN KOS SARA HIDUP MASYARAKAT SETEMPAT

KIMANIS, 14 FEBRUARI –Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah menganjurkan Program Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) di Parlimen Kimanis sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan MADANI dalam membantu meringankan kos sara hidup rakyat serta memperkasa ekosistem keusahawanan dan koperasi tempatan.

JMKU yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ini menawarkan pelbagai barangan keperluan asas harian pada kadar penjimatan sehingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran. Inisiatif ini memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat setempat, khususnya dalam membuat persediaan menghadapi bulan Ramadan yang bakal tiba.

Program ini diadakan sempena Majlis Perasmian Bangunan Baharu Sekolah Kebangsaan Pekan Kimanis. Bangunan baharu ini dibina menerusi sumbangan dan usaha daripada YB Datuk Mohamad bin Alamin, ketika beliau menjawat jawatan selaku Timbalan Menteri Pendidikan. Ini mencerminkan komitmen beliau dalam memastikan generasi seterusnya menikmati keselesaan dalam menghadapi sesi pembelajaran.

YB Datuk Mohamad bin Alamin dalam ucapannya berkata, KUSKOP yakin pelaksanaan JMKU mampu memberi impak positif kepada masyarakat setempat khususnya bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup mereka.

Beliau menegaskan bahawa selain membantu rakyat mendapatkan barangan keperluan pada harga berpatutan, program ini turut menyediakan platform kepada usahawan dan koperasi untuk memperluas pasaran serta meningkatkan daya saing perniagaan mereka.

Program kali ini juga, turut disertai oleh agensi di bawah KUSKOP iaitu Bank Rakyat dan TEKUN Nasional. Bank Rakyat telah menyampaikan sumbangan khas berjumlah RM30,600 kepada 204 pelajar daripada golongan asnaf dan B40 sebagai tanda sokongan terhadap agenda kesejahteraan komuniti.

TEKUN Nasional pula membuka reruai pameran bagi memberikan penerangan, khidmat nasihat serta semakan awal kelayakan pembiayaan kepada para pengunjung. Usahawan dan bakal usahawan yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Skim Pembiayaan TEKUN, khususnya Skim BARAKAT, iaitu skim pembiayaan khas sempena Ramadan dan Aidilfitri bagi membantu persediaan modal perniagaan. Tempoh permohonan skim ini bermula 1 Februari hingga 15 Mac 2026.

KUSKOP terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak tinggi bagi memastikan kesejahteraan rakyat serta pembangunan keusahawanan dan koperasi negara terus diperkukuh.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
14 FEBRUARI 2026